

**GARIS PANDUAN PEMBENTANGAN LISAN DAN PENULISAN ARTIKEL AKADEMIK/ PENYELIDIKAN
 BAGI e-SEMINAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI DALAM PENDIDIKAN 2021
 (e-SPeDIP2021)
 Peringkat Kebangsaan
 14 – 15 September 2021
<http://www.spedip.com/e-spedip2021>**

Tarikh-Tarikh Penting Pembentangan Lisan:

01 Ogos 2021	Penghantaran abstrak Pembentangan Lisan (Format : Rujuk Template Abstrak Pembentangan Lisan e-SPeDIP2021)
15 Ogos 2021	Notis Penerimaan Pembentangan Lisan
20 Ogos 2021	Tarikh akhir pendaftaran dan abstrak pembentangan lisan
28 Ogos 2021	Tarikh akhir penghantaran artikel penyelidikan / akademik
05 September 2021	Tarikh akhir penghantaran video pembentangan (untuk pembentangan bukan online)
14 – 15 September 2021	e-SPeDIP2021 berlangsung

PEMBENTANGAN LISAN:

Pembentang **memilih salah satu daripada mode pembentangan** iaitu:

1. **Secara Online** (Google Meet) pada 14 – 15 September 2021 mengikut jadual pembentangan yang akan disusunaturkan oleh penganjur.
2. **Secara Rakaman Video** iaitu pembentang telah merakamkan video pembentangan dan diserahkan kepada penganjur untuk dimuatnaik ke dalam laman web <http://www.spedip.com/e-spedip2021>. Pembentang perlu memberikan respon kepada soalan (jika ada) secara bertulis dalam laman web tersebut.

Satu kajian boleh disertai seramai maksimum lima (5) orang penyelidik, walaubagaimanapun hanya seorang sahaja dibenarkan sebagai pembentang lisan secara online.

Manakala bagi pembentangan lisan secara rakaman video, maksimum dua (2) orang dibenarkan sebagai pembentang dalam rakaman video berkenaan (pendaftaran sebagai pembentang dilakukan secara berasingan).

Garis Panduan Penyediaan Rakaman Video Pembentangan Lisan:

1. **Penyediaan Rakaman Video Pembentangan Lisan** untuk pembentang yang memilih pembentangan **Secara Rakaman Video SAHAJA**.
2. Pembentang boleh menggunakan kreativiti masing-masing dalam penghasilan video pembentangan kajian masing-masing.
3. Pembentang mestilah menggunakan **alat perakam sendiri** sama ada perakam video / telefon pintar untuk menghasilkan video pembentangan lisan yang berkualiti dan jelas.
4. Format video yang ditetapkan adalah bentuk **.mp4** atau **.mpg** atau **.mov** atau **.wmv** sahaja. Manakala saiz file video pembentangan adalah **tidak melebihi 900MB**.
5. Tempoh masa video pembentangan adalah **tidak melebihi lima belas (15) minit**.
6. Namakan fail softcopy video pembentangan dengan menggunakan **nama penuh pembentang** (contoh, ALI BIN AHAMD)
7. Video pembentangan lisan perlu diemelkan ke alamat emel **spedip2021@gmail.com** **selewat-lewatnya pada 05 September 2021**. Jika saiz file video pembentangan terlalu besar untuk dihantar melalui emel, sila

upload video pembentangan ke dalam google drive atau youtube. Emel link video tersebut ke alamat spedip2021@gmail.com.

Panduan Dan Syarat Penulisan Artikel:

1. Artikel ditulis berdasarkan hasil kerja penyelidikan atau konseptual atau ulasan literatur dalam bidang pendidikan yang berkaitan Penyelidikan dan Inovasi Dalam Pendidikan.
2. Kertas dan margin
 - a. Guna kertas bersaiz A4 (8.27" x 11.69").
 - b. Margin 1 inci untuk semua sisi.
 - c. **TIDAK** memasukkan nombor muka surat, *header* dan *footer*.
3. Artikel yang ditulis adalah karya asli dan belum pernah diterbitkan dalam apa jua jenis penerbitan.
4. Kandungan artikel hendaklah ditulis dalam bentuk berikut:
 - a. Hasil kerja penyelidikan, penemuan, kaedah, aplikasi baru atau ulasan literatur.
 - b. Mengikut format sistem penulisan APA (*American Physiological Association*) edisi terkini.
 - c. Semua artikel yang dihantar mestilah asli. Artikel yang telah diterbitkan atau sedang dipertimbangkan oleh jurnal/penerbitan lain tidak akan dipertimbangkan untuk pembentangan dan penerbitan eprosiding e-SPeDIP2021 dengan ISBN.
 - d. Artikel ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris atau bahasa Cina atau bahasa Iban atau bahasa Arab. **Sekiranya artikel tersebut ditulis dalam bahasa Melayu, tajuk, abstrak dan kata kunci perlu diterjemahkan dalam bahasa Inggeris. Manakala, sekiranya artikel tersebut ditulis dalam bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Iban atau bahasa Arab, tajuk, abstrak dan kata kunci perlu diterjemahkan dalam Bahasa Melayu.**
 - e. Abstrak tidak melebihi 250 patah perkataan dengan menggunakan format (**tulisan bentuk *Arial, Italic, Saiz 11 dan Justified***)
 - f. Tiga hingga lima perkataan kata kunci selepas abstrak menggunakan format **tulisan bentuk *Arial, Italic, Saiz 11***).
 - g. Artikel ditaip menggunakan fail ***Microsoft Word –compatible*** dalam jarak **langkah satu** (*single spacing*), menggunakan ***Arial bersaiz 11***.
 - h. Tajuk artikel hendaklah ringkas dan padat. Letakkan nama penuh penulis (*Arial, : 11 point dan Bold*), nama dan alamat institusi (*Arial, Saiz: 11 point*) berserta e-mel penulis (*Arial, Saiz: 10 point, italic*) di bawah tajuk.
 - i. Panjang artikel kurang dari 4000 patah perkataan termasuk rujukan.
5. Artikel yang dihantar perlu dibuat dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*) *MS Word* kepada **urus setia melalui email spedip2021@gmail.com selewat-lewatnya pada 28 Ogos 2021.**

Pertanyaan tentang panduan penulisan artikel dan video pembentangan boleh menghubungi Pn Hoon Swee Kim (019-8856615) atau Pn Tracy Anak Mensan (019-8107681).

**tertakluk kepada ketetapan akhir pihak penganjur.*